Hotel Al–Amin Sdn Bhd dan Lain-lain lwn Hong Leong Finance Bhd dan Lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — GUAMAN SIVIL NO 2–22–174 TAHUN 2001
ABU SAMAH H
22 JULAI 2004

Acara Sivil — Perintah terlebih dahulu — Kegagalan untuk mematuhinya — Peguam gagal memfailkan dokumen ke mahkamah walaupun diberi beberapa peluang — Alasan kegagalan remeh — Sama ada tindakan plaintif harus dibatalkan

Semasa peringkat pengurusan kes ini, peguam plaintif telah beberapa kali gagal memfailkan beberapa dokumen ke mahkamah. Suatu perintah terlebih dahulu ('unless order') dikeluarkan oleh mahkamah yang menghendaki peguam memenuhi beberapa syarat terlebih dahulu sebelum ia diteruskan. Perintah ini juga memaklumkan peguam tersebut bahawa seandainya plaintif gagal mematuhi arahan tersebut, tuntutan plaintif akan dibatalkan. Peguam plaintif gagal memenuhi syarat-syarat berkenaan dan telah menyerahkan kepada mahkamah sama ada tuntutannya boleh dibatalkan.

Diputuskan, membatalkan tindakan plaintif dengan kos:

Mahkamah mempunyai kuasa sedia ada untuk membatalkan tindakan plaintif kerana keingkaran mematuhi perintah-perintah mahkamah. Di dalam kes ini, peguam plaintif bukan sahaja tidak menafikan keingkaran mematuhi perintah terlebih dahulu yang dibuat oleh mahkamah tetapi ia akhirnya menyerahkan kepada mahkamah sama ada untuk membatalkan tindakan plaintif atau tidak. la tidak ada memohon melanjutkan masa supaya diberikan peluang terakhir untuk membolehkan plaintif mematuhi perintah-perintah tersebut. Alasan-alasan yang diberikan kerana kegagalan mematuhi perintah-perintah tersebut adalah terlalu remeh dan tidak meyakinkan. Dalam keadaan sedemikian, mahkamah, walaupun agak keberatan, tidak mempunyai banyak pilihan kecuali membatalkan tindakan plaintif dengan kos. Keingkaran mematuhi perintah-perintah tersebut adalah 'intentional and contumelious' (lihat perenggan 19 dan 24).

[**English summary**

During the case management stage, the plaintiff's counsel had on numerous occasion failed to file the necessary documents into court. An 'unless order' was issued by the court which required counsel to comply with certain conditions beforehand before its continuance. This order also informed counsel that if the plaintiff failed to comply with the said order, the claim would be struck off. Plaintiff's counsel failed to comply with the said terms and left it to the court to decide whether the claim should be struck off.

Held, striking off the plaintiff's claim with costs:

The court has the inherent power to revoke the plaintiff's action for non-compliance with the orders of the court. In the instant case, the plaintiff's counsel not only did not deny the non-compliance with the 'unless order' decreed by the court but he had left the matter to the court to decide as to whether to revoke the plaintiff's claim or not. He did not apply for time extension so as to enable the plaintiff for the very last time to comply with the said order. The reasons for non-compliance with the orders were so trivial and unconvincing. In such cases, the court even if reluctant has not much choice but to revoke the plaintiff's claim with costs. Non-compliance with the orders were intentional and contumelious (see paras 19 and 24).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai perintah terlebih dahulu, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) lihat perenggan 6479–6486.

Kes-kes yang dirujuk

Allen v Sir Alfred McAlpine & Sons Ltd [1968] 1 All ER 543 (dirujuk)
Birkett v James [1977] 2 All ER 801 (dirujuk)
Grand Metropolitan Nominee (No 2) Co Ltd v Evans [1993] 1 All ER 642 (dirujuk)
Jokai Tea Holdings Ltd, Re [1993] 1 All ER 630 (dirujuk)
Reggentin v Beecholme Bakeries Ltd [1968] 1 All ER 566n (dirujuk)
Tolley v Morris [1979] 2 All ER 561 (dirujuk)

Raftfizi Zainal Abidin (Letchumy bersamanya) (Aris Rizal Christopher Fernando & Co) bagi pihak plaintif.
HV Yoong (Cheah Siah Lee Kee) bagi pihak defendan pertama.
Syed Farid (Darshan Chong & Co) bagi pihak defendan kedua.
Kamaludin bin Mohd Said PKP bagi pihak defendan ketiga dan keempat.

Abu Samah H:

[1] Ini ialah satu contoh kes yang klasik di mana pengurusan kes menemui jalan buntu oleh kerana keingkaran berterusan oleh pihak plaintif untuk mematuhi perintah-perintah mahkamah yang dibuat setelah mendengar kedua-dua pihak. Selepas lima kali pengurusan kes dijalankan, pihak plaintif masih tidak mematuhi perintah-perintah mahkamah.

[2] Pada tarikh pengurusan kes yang pertama, iaitu pada 19 Mei 2003, mahkamah telah mengarahkan plaintif memfailkan ikatan pliding, ikatan dokumen yang dipersetujui dan tidak dipersetujui, fakta yang dipersetujui dan isu yang perlu dibicarakan pada atau sebelum 18 Julai 2003. Dengan persetujuan kedua-dua pihak mahkamah juga telah membuat perintah supaya mereka memfailkan pernyataan saksi masing-masing pada atau sebelum

18Julai 2003 dan menetapkan tarikh 30 Julai 2003 untuk sambungan pengurusan kes.

[3] Pada 30 Julai 2003 peguam plaintif memberitahu mahkamah bahawa ia belum lagi memfailkan pernyataan saksi plaintif dan isu yang perlu dibicarakan atas alasan pihak-pihak belum bersetuju mengenainya. la memerlukan dua bulan lagi. Pada setakat 30 Julai 2003 plaintif ada memfailkan ikatan dokumen yang dipersetujui dan tidak dipersetujui dalam tiga set. Set pertama ialah ikatan dokumen yang dipersetujui dan tidak dipersetujui di antara plaintif dan defendan pertama walaupun beberapa dokumen yang diberikan oleh peguam defendan pertama masih belum lagi dimasukkan oleh peguam plaintif ke dalam ikatan dokumen yang tidak dipersetujui.

[4] Set kedua ialah dokumen yang dipersetujui dan tidak dipersetujui di antara plaintif dan defendan kedua. Set ketiga ialah ikatan dokumen yang dipersetujui di antara plaintif dan defendan ketiga dan keempat. Tetapi plaintif tidak ada memfailkan dalam satu set, ikatan dokumen yang dipersetujui dan tidak dipersetujui di antara kedua-dua pihak.

[5] Peguam plaintif memohon dua bulan lagi untuk memfailkan ikatan dokumen dan pernyataan saksi plaintif. Mahkamah kemudian menetapkan 10November 2003 untuk sambungan pengurusan kes.

[6] Pada 10 November 2003 peguam plaintif memberitahu mahkamah bahawa ia telah memfailkan ikatan-ikatan dokumen tetapi masih belum sempat memfailkan pernyataan saksi plaintif. Sebenarnya di antara 30 Julai 2003 dan 10 November 2003, plaintif tidak ada memfailkan sebarang ikatan dokumen yang baru. Ikatan dokumen yang telah difailkan ialah tiga set ikatan-ikatan dokumen yang disebutkan sebelum ini. Dokumen-dokumen tersebut difailkan pada 22 Julai 2003. Apabila diberitahu oleh saya mengenainya, peguam plaintif berjanji untuk memfailkan semula ikatan dokumen tersebut dalam masa satu bulan supaya ikatan dokumen yang dipersetujui di antara pihak-pihak dimasukkan ke dalam satu ikatan dan dokumen yang tidak dipersetujui, dimasukkan ke dalam satu ikatan lain. Peguam plaintif juga berjanji akan memfailkan pernyataan saksi plaintif dalam masa tiga bulan. Manakala peguam-peguam defendan juga bersetuju memfailkan pernyataan saksi masing-masing dalam tempoh yang sama.

[7] Atas akujanji peguam plaintif dan peguam defendan, mahkamah membuat perintah, 'unless order' seperti berikut:

(i) plaintif memfailkan ikatan dokumen yang dipersetujui dan tidak dipersetujui pada atau sebelum 10 Disember 2003;

(ii) plaintif dan defendan-defendan memfailkan pernyataan saksi masing-masing pada atau sebelum 10 Februari 2004; dan

(iii) jika arahan tidak dipatuhi, tuntutan plaintif dan tuntutan balas, jika ada, akan dibatalkan.

[8] Mahkamah kemudian menetapkan sambungan pengurusan kes pada 22 Mac 2004.

[9] Pada 22 Mac 2004 peguam plaintif sekali lagi memberitahu mahkamah bahawa ia masih belum memasukkan beberapa dokumen defendan-defendan ke dalam ikatan dokumen yang dipersetujui dan tidak dipersetujui. Peguam plaintif berjanji akan memfailkan ikatan dokumen bersama yang terdiri daripada Bahagian I, II dan III dalam masa satu bulan. Saya mula meraguinya dan terus bertanya kepada beliau adakah betul ia boleh memfailkannya dalam masa satu bulan. Saya mengingatkan peguam plaintif bahawa jika arahan diberikan berdasarkan janjinya tidak dipatuhi, tindakan plaintif boleh dibatalkan. la menjawab 'Betul'. la tidak memohon tempoh yang lebih panjang. Mengenai pernyataan saksi plaintif mahkamah mendapati bahawa plaintif ada memfailkannya walaupun lewat dua hari dari tempoh yang ditetapkan.

[10] Semasa pengurusan kes pada 22 Mac 2004 saya telah bertanyakan kepada peguam plaintif mengapa:

(i) di dalam pernyataan saksi plaintif, plaintif memasukkan nama saya;

(ii) merujuk kepada apa yang berlaku semasa pengurusan kes pada 10 November 2003, sedangkan ia bukan keterangan terhadap defendan;

(iii) memasukkan sebahagian hujahan plaintif ke dalam pernyataan saksi plaintif.

[11] Peguam plaintif memohon maaf dan menjelaskan bahawa ia tidak membaca sepenuhnya. la meminta kenyataan saksi tersebut ditarik balik dan berjanji akan memfailkan pernyataan saksi yang baru dalam masa satu bulan.

[12] Peguam-peguam defendan-defendan kemudian memberitahu mahkamah bahawa mereka akan memfailkan pernyataan saksi masing-masing yang baru dalam masa dua bulan dengan membuat rujukan kepada ikatan dokumen bersama yang akan difailkan oleh plaintif.

[13] Setelah mendengar kedua-dua pihak, mahkamah memutuskan tidak membatalkan tindakan plaintif untuk memberikan plaintif peluang sekali lagi. Saya membuat perintah 'unless order' yang kedua seperti berikut:

(i) plaintif memfailkan ikatan dokumen dalam dua salinan yang mengandungi Bahagian I, II dan III; dan pernyataan saksi-saksi plaintif pada atau sebelum 22 April 2004;

(ii) Defendan pertama, ketiga dan keempat memfailkan pernyataan saksi masing-masing pada atau sebelum 21 Mei 2004;

(iii) Jika arahan tersebut tidak dipatuhi, tindakan plaintif dan tuntutan balas defendan, yang mana berkenaan, boleh dibatalkan.

[14] Mahkamah kemudian menetapkan pada 22 Julai 2004 untuk sambungan pengurusan kes. **A**

[15] Tidak ada arahan baru diberikan kepada peguam defendan kedua oleh kerana ia tidak hadir.

[16] Pada 22 Julai 2004 peguam yang mewakili plaintif pada tarikh-tarikh pengurusan kes yang terdahulu tidak hadir. Kali ini plaintif diwakili oleh seorang peguam lain tetapi daripada firma guaman yang sama. Pada hari tersebut peguam plaintif masih: **B**

(i) belum memfailkan pernyataan saksi yang baru seperti yang dijanjikan;

(ii) belum memfailkan ikatan dokumen yang dipersetujui dan tidak dipersetujui yang mengandungi Bahagian I, II dan III. **C**

[17] Alasan yang diberikan oleh peguam plaintif ialah bahawa:

(i) ia baru mengambil-alih kes ini; **D**

(ii) peguam yang kendalikan kes ini cuti kahwin;

(iii) anak guamnya juga tidak dapat dihubungi; dan

(iv) ia tidak pasti berapa bilangan saksi-saksi untuk kes plaintif. **E**

[18] Peguam defendan pertama kemudian mencelah dan menyatakan bahawa arahan mahkamah adalah amat jelas dan tuntutan plaintif akan dibatalkan jika arahan tidak dipatuhi. Setelah mendengarnya peguam plaintif menjawab bahawa ia menyerahkan kepada mahkamah. la tidak ada langsung memohon kepada mahkamah untuk diberikan peluang kali terakhir untuk mematuhi perintah-perintah mahkamah. Kesemua defendan telah memfailkan pernyataan saksi masing-masing. **F**

[19] Mahkamah mempunyai kuasa sedia ada untuk membatalkan tindakan plaintif kerana keingkaran mematuhi perintah-perintah mahkamah: lihat *Birkett v James* [1977] 2 All ER 801 pada 804; *Reggentin v Beecholme Bakeries Ltd* [1968] 1 All ER 566n. Di dalam kes *Birkett v James*, Lord Diplock, pada ms 805, antara lain menyatakan: **G**

> The power should be exercised only where the court is satisfied either: (1) that the default has been intentional and contumelious, eg disobedience to a peremptory order of the court or conduct amounting to an abuse of the process of the court; or (2)(a) that there has been inordinate and inexcusable delay on the part of the plaintiff or his lawyers, and (b) that such delay will give rise to a substantial risk that it is not possible to have a fair trial of the issues in the action or is such as is likely to cause or to have caused serious prejudice to the defendants. **H**

[20] Sebelum kes *Birkett v James*, Lord Diplock, di dalam kes *Allen v Sir Alfred McAlpine & Sons Ltd* [1968] 1 All ER 543 pada ms 556 telah menjelaskan kuasa mahkamah untuk membatalkan tindakan plaintif seperti berikut: **I**

A It is then a Draconian order and will not be lightly made. It should not in any event be exercised without giving the plaintiff an opportunity to remedy his default, unless the court is satisfied either that the default has been intentional and contumelious or that the inexcusable delay for which the plaintiff or his lawyers have been responsible has been such as to give rise to a substantial risk that a fair trial of the issues in the litigation will not be possible. Disobedience to a peremptory B order of the court would be sufficient to satisfy the first condition.

[21] Di dalam kes *Tolley v Morris* [1979] 2 All ER 561 pada ms 571 Lord Diplock sekali lagi menegaskan seperti berikut:

C Disobedience to a peremptory order would generally amount to such 'contumelious' conduct.

[22] Kes *Tolley v Morris* telah diikuti di dalam kes *Re Jokai Tea Holdings Ltd* [1993] 1 All ER 630 di mana Mahkamah Rayuan Inggeris menyatakan seperti berikut:

D Disobedience to a peremptory order is 'generally' to be treated as contumelious conduct: see *Tolley v Morris* [1979] 2 All ER 561 at 571, [1979] 1 WLR 592 at 603 per Lord Diplock. Where there has been such contumelious disobedience not only the plaintiff's original action but also any subsequent action brought by him based on the same cause of action will be struck out: see *Janov v Morris* [1981] 3 All ER 780, E [1981] 1 WLR 1389. The basis of the principle is that orders of the court must be obeyed and that a litigant who deliberately and without proper excuse disobeys such an order is not allowed to proceed. The rationale of such penalty being that it is contumelious to flout the order of the court, if a party can explain convincingly that outside circumstances account for the failure to obey the peremptory order and that there was no deliberate flouting of the court's order, his conduct is not F contumelious and therefore the consequences of contumely do not flow.

[23] Lihat juga *Grand Metropolitan Nominee (No 2) Co Ltd v Evans* [1993] 1 All ER 642 di mana Mahkamah Rayuan Inggeris yang terdiri dari kuorum yang berbeza telah menerima pakai prinsip undang-undang tersebut di atas.

G **[24]** Di dalam kes di hadapan saya peguam plaintif bukan sahaja tidak menafikan keingkaran mematuhi perintah-perintah 'unless order' yang dibuat oleh mahkamah tetapi ia akhirnya menyerahkan kepada mahkamah sama ada untuk membatalkan tindakan plaintif atau tidak. la tidak ada memohon masa supaya diberikan peluang terakhir untuk membolehkan plaintif mematuhi H perintah-perintah tersebut. Alasan-alasan yang diberikan kerana kegagalan mematuhi perintah-perintah tersebut adalah terlalu remeh dan tidak meyakinkan. Peguam plaintif tidak perlu menghubungi anak guamnya untuk memfailkan semula ikatan-ikatan dokumen seperti yang dijanjikan kerana dokumen-dokumen berkenaan telah ada dengan peguam sendiri. Adalah amat I memeranjatkan bahawa selepas empat kali pengurusan kes peguam plaintif masih tidak dapat menghubungi anak guamnya untuk memfailkan pernyataan saksi dan tidak mengetahui bilangan saksi-saksi bagi pihak plaintif. Dalam

keadaan sedemikian, mahkamah, walaupun agak keberatan, tidak mempunyai banyak pilihan kecuali membatalkan tindakan plaintif dengan kos. Keingkaran mematuhi perintah-perintah tersebut adalah 'intentional and contumelious'.

Tindakan dibatalkan.

Dilaporkan oleh Loo Lai Mee

A

B

C

D

E

F

G

H

I